



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 9 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	DIGITAL POWER FOR A SECURE MALAYSIAN FOOD SUPPLY, YOUR OPINION, THE STAR, M/S – 12	LAIN-LAIN
2.	TANAMAN KOKO LONJAK PENDAPATAN MASYARAKAT ORANG ASLI KUALA MU, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 9	
3.	SISWI PERTANIAN RAIH RM30,000 SEBULAN SEBAGAI JURUSOLEK, WANITA GAYA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 22	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Digital power for a secure Malaysian food supply

AS Malaysia continues to confront rising food prices, unpredictable weather, and global supply disruptions, the discussion on food security often circles around land use, subsidies, and import policies.

Yet one important area remains underexplored in our national conversation. Digital technology, once treated as a distant idea for the future, is now proving to be one of the most practical tools for strengthening food supply chains around the world. Malaysia cannot afford to overlook this shift.

Over the past decade, international studies, including research by SAP and other respected logistics institutions, have shown how digital systems can reshape food supply networks. These findings may have come from abroad, but the lessons apply directly to our local context.

Malaysia faces recurring challenges that are well known. Production levels fluctuate, distribution networks are fragmented, post-harvest losses remain high, and real time information flow from farms to markets is limited. These problems have long constrained our ability to

maintain a stable supply and stable prices.

There are four areas where digital technology can make a meaningful difference to our food security efforts.

First, digital forecasting can help us plan better. Artificial intelligence can analyse weather patterns, crop data, and market trends to predict shortages before they hit consumers. This will not solve every problem, but it can reduce sudden spikes in prices and allow both regulators and businesses to respond earlier.

Second, integrated digital platforms can offer full visibility across the supply chain. If farmers, distributors, wholesalers, and regulators all operate with different systems and disconnected data, it becomes impossible to manage supply efficiently. Digital platforms can bridge these gaps, allowing better coordination and reducing waste.

Third, there is an opportunity to rebuild consumer trust. Digital traceability tools can show where produce comes from, how it was handled, and when it was harvested. At a time when consumers are increasingly concerned



Photo: ONG SOON HIN/The Star

with safety and freshness, this level of transparency could reshape confidence in local food.

Fourth, automation can help address labour shortages and improve efficiency in agriculture and food processing. Automated monitoring in storage facilities, for example, can reduce spoilage and improve quality control.

Of course, digital tools alone are not a magic solution. Successful implementation requires strong leadership, a clear national direction, and investment in skills.

Workers must be supported, not sidelined, as the sector modernises. Coordination across min-

istries is also essential, something Malaysia has struggled with in the past.

Still, the potential is clear. Digital technology will not replace the need for good policies, strong farmers, and resilient production systems. But if used wisely, it can become the force multiplier Malaysia needs to build a more reliable and secure food supply for the future.

AHMAD NIZAM CHE KASIM
DR MOHD KHAIRULNIZAM
ZAHARI

Faculty of Business &
Communication
Universiti Malaysia Perlis

Tanaman koko lonjak pendapatan masyarakat Orang Asli Kuala Mu

Sungai Siput: Lonjakan harga koko dunia membuka peluang baharu kepada komuniti Orang Asli di Kampung Kuala Mu, di sini, untuk menghidupkan kembali sektor pertanian penanaman koko.

Ketua Kelompok Penanam Koko Kuala Mu, Idlan Mazuan@ Rani B Itam, 45, berkata ketika ini beliau menanam koko seluas 1 hektar daripada keseluruhan 8.1 hektar tanaman koko yang diusahakan komuniti Orang Asli di perkampungan di POS Kuala Mu, dalam daerah Kuala Kangsar.

Idlan, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kuala Mu, berkata penanaman pokok koko di komuniti itu bermula sejak 2012 dan pernah mencatat keluasan sehingga melebihi 40.4 hektar.

Namun, jumlah itu berkurangan kepada kira-kira 8.1 hektar beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya disebabkan kejatuhan harga koko.

"Sebelum ini di Kuala Mu penanaman koko membabitkan keluasan keseluruhan lebih 100 ekar (40.4 hektar) namun berkurang kepada 20 ekar (8.1

2030 PERAK SEJAHTERA

hektar). Ketika harga koko mula naik sehingga mencecah RM40 sekilogram pada tahun lalu, penanaman koko di sini kembali meningkat.

"Harga koko sentiasa mengalami turun naik. Harganya sekitar RM20 sekilogram. Bagi komuniti kami, jika harga biji koko sekitar RM10 sekilogram pun ia tetap tinggi.

"Jadi, berdasarkan harga semasa itu saya lihat mungkin setahun lagi penanaman koko di Kuala Mu dapat bergerak kepada 30 ekar (12.1hektar)," katanya kepada BH.

Menurutnya, kejatuhan harga koko sebelum ini menyebabkan bilangan penanaman koko di Kuala Mu sebelum tahun 2024 hanya 12 peserta, namun jumlah itu melonjak kepada 60 orang ketika ini susulan lonjakan harga komoditi berkenaan dan boleh meningkat sehingga 80 peserta

dalam sedikit masa lagi.

Beliau berkata, selain Lembaga Koko Malaysia (LKM), komuniti penanam koko di Kuala Mu turut dibimbing Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) terutama dalam pembinaan sistem pengiraan yang memerlukan kos tinggi bagi menghadapi musim kemarau, di samping bantuan input pertanian lain seperti baja dan anak pokok.

Idlan berharap kerajaan negeri mewujudkan dana khas untuk membantu pembangunan industri koko khususnya bagi komuniti Orang Asli, termasuk untuk mengupah pekerja dan melebarkan kawasan tanaman.

Beliau menekankan, Perak adalah negeri kedua terbanyak

populasi Orang Asli selepas Pahang, dengan seramai 58,942 orang setakat Oktober lalu.


"Kami juga menghadapi cabaran kos pengangkutan biji koko ke pusat pemrosesan, selain cuaca hujan yang menyebabkan biji koko basah dan perlu dikeringkan terlebih dahulu.

"Saya pernah mencadangkan kepada JAKOA dan LKM supaya diwujudkan rumah pengeringan di setiap kelompok penanam koko di Kuala Mu dan 'POS Yum,'" katanya.

Sebelum ini, Ketua Pengarah LKM, Datuk Dr Ramle Kasin, berkata masyarakat Orang Asli antara penyumbang utama pengeluaran koko di Semenanjung Malaysia, dengan kira-kira 100 keluarga terlibat.



Idlan Mazuan



LKM bersama JAKOA membuka pejabat berhampiran komuniti Orang Asli, seperti di Pusat Sehenti OAOSC Bawong, untuk memantau perkembangan tanaman koko.

Melalui LKM, komuniti mendapat bantuan berupa insentif baja, racun perosak dan kursus permulaan bagi meningkatkan pengeluaran, selaras sasaran nilai eksport koko negara mencapai RM15.06 bilion pada 2025.

Perkembangan ini juga sejajar Pelan Perak Sejahtera 2030, cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, di bawah agenda 1 Daerah 1 Aktiviti Ekonomi, yang meletakkan JAKOA sebagai agensi peneraju flagship Santuni Orang Asli.

Pelan itu menekankan pembangunan sosial, mempelbagaikan sumber dalaman dan import melalui 'niche' sekuriti makanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

9/12/2025

UTUSAN
MALAYSIA

GAYA

22

22

Utusan Malaysia
SELASA • 9 DESEMBER 2025

WANITA • Gaya

Siswi pertanian raih RM30,000 sebulan sebagai jurusolek

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR

intan.suhana@media.utusan.com.my

SIAPA sangka seorang pelajar Bachelor Sains Pertanian mampu meraih pendapatan sehingga RM30,000 sebulan melalui bakat solekan?

Itulah kisah inspirasi Sharmeeera Rathakrishnan yang membuktikan minat dan kesungguhan mampu membuka pintu rezeki tanpa mengira bidang pengajian.

Kini, dia menjana pendapatan antara RM5,000 hingga RM30,000 sebulan hasil daripada perniagaan tersebut.

Selain solekan, dia juga menyediakan perkhidmatan kemas pakaian perkahwinan, dan laminasi kening.

Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) ini memulakan perniagaan sebagai jurusolek (MUA) sambilan sejak tahun pertama pengajian lagi dan bakatnya kini berkembang menjadi empayar kecil yang semakin mendapat perhatian dalam industri kecantikan kampus dan luar.

Minat gadis berusia 25 tahun ini terhadap solekan mula bertambah sewaktu awal pengajiannya apabila kedua ibu bapa memberi sokongan dan dana permulaan untuk membeli alatan asas.

Dorongan itu menjadi pemangkin semangat untuknya menawarkan khidmat solekan kecil-kecilan setiap hujung minggu, walaupun jadual hariannya pada Isnin hingga Jumaat dipenuhi kuliah dan kerja makmal.

"Ramai tak sangka pelajar pertanian boleh jadi jurusolek. Tetapi bagi saya, tidak kira apa



WALAUPUN jadualnya padat dengan kuliah dan kerja makmal tetapi bukan halangan untuk bekerja sambilan sebagai jurusolek.

bidang, kita boleh kejar apa yang kita minat.

"Kecantikan itu adalah bakat yang boleh diasimilasikan dalam apa jua bidang," katanya.

Bagi anak kelahiran Johor ini, masa bukan alasan untuk tidak mengejar minat.

Setiap hujung minggu, Sharmeeera akan turun padang memenuhi tempahan, majoritinya untuk majlis perkahwinan, pertunangan dan acara khas.

Rezekinya semakin melimpah apabila pada Februari 2025, dia berjaya membuka premis rasmi pertamanya, Avyannas Touch, di dalam kampus UPM.

Premis itu terhasil melalui sokongan Pusat

Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA).

"Sebelum ini saya hanya

bergerak dari satu tempat ke satu tempat.

"Sekarang, dengan adanya premis, lebih ramai pelanggan selesa datang terus ke studio saya di kampus," katanya.

PAHIT MANIS

BERGELAR MUA

Cabaran sebagai MUA memerlukan Sharmeeera sentiasa kekal bertenaga untuk memenuhi tempahan dari seluruh pelosok negeri tanpa mengira waktu.

Kebanyakan majlis perkahwinan bermula awal pagi dan memerlukan ke lokasi seawal pukul 4 atau 5 pagi.

"Kadang-kadang satu hari saya terpaksa bergerak dari satu negeri ke negeri lain. Saya pernah terima tempahan di Seremban dan Perak pada hari sama satu waktu siang, satu di sebelah malam.

"Saya juga bertuah

kerana pernah memberi khidmat solekan kepada pelanggan dari United Kingdom, Singapura dan Sri Lanka. Saya bersyukur kerana ada rakan-rakan niaga yang membantu," ujarnya.

Bidang pertanian yang dipelajarinya tidak pernah menjadi penghalang untuk berkecimpung dalam industri kecantikan.

Malah Sharmeeera percaya bakat boleh diasimilasikan dalam apa jua bidang jika seseorang benar-benar berminat.

Antara kenangan paling manis dalam kerjayanya sebagai MUA ialah apabila diberi peluang menyolek beberapa artis tempatan dan terlibat dalam promosi produk kecantikan.

Pengalaman itu bukan sahaja mengasah kemahirannya, tetapi membuka keyakinan untuk terus melangkah jauh dalam dunia kecantikan profesional.

Di sebalik kesibukan menguruskan perniagaan dan belajar, Sharmeeera tetap aktif dalam aktiviti kelestarian di Kolej 14 dan sering menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyumbangkan khidmat solekan percuma untuk komuniti. Lebih

membanggakan, dia membayar sendiri yuran pengajian hasil keuntungan perniagaannya.

Prinsipnya, jika mampu berdikari, lakukanlah.

Baginya, pelajar harus mengambil peluang membina kewangan sendiri semasa belajar, sebagai persediaan menghadapi dunia sebenar selepas tamat pengajian.

Melihat jauh ke hadapan, Sharmeeera berhasrat mengembangkan perniagaannya selepas tamat belajar dan memiliki studio kecantikan yang lebih besar serta lengkap.

Solekan bukan lagi hobi sementara, tetapi masa hadapan yang ingin dibinanya dengan penuh tekad.

Dalam dunia serba mencabar ini, keberanian mengejar minatlah yang membezakan angan-angan dan kejayaan.



SHARMEEERA Rathakrishnan mahu mengembangkan perniagaan dengan membuka studio kecantikan lebih besar.

